

Aab

MALAYSIA AKAN IKTIRAF NEGARA-NEGARA BEKAS SOVIET: PM
Mahathir - Soviet
Daripada Abdul Rahman Sulaiman

ULSAN (Korea Selatan), 28 Dis (Bernama) -- Malaysia akan mengiktiraf secara rasmi kemerdekaan negara-negara bekas Republik Soviet dalam sedikit masa lagi, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata perkembangan terakhir di Moscow menunjukkan dengan jelas bahawa negara-negara bekas +Union of Soviet Socialist Republic+ sudah memilih untuk mengadakan pakatan antara mereka sebagai negara-negara merdeka.

Ini bermakna bahawa mereka bebas untuk mengamalkan dasar luar negeri yang berbeza, kata beliau kepada wartawan Malaysia yang meliputi lawatan beliau ke Korea Selatan.

Ketika ditanya bila pengiktirafan tersebut akan dibuat, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan ini tidak akan memakan masa yang lama kerana kerajaan cuma perlu membuat keputusan rasmi.

Beliau berkata dengan keputusan itu nanti, Perwakilan Diplomatik Malaysia di Moscow sekarang akan ditukar menjadi Perwakilan Malaysia ke Russia yang mungkin juga ditauliahkan sebagai perwakilan ke negara-negara yang berdekatan. -- Lagi

▼28/12/10-01MST

CNS3369

R GB 28-12 00127 BB578

Aab

Mahathir - Soviet 2 Ulsan

+Mungkin kita akan ada kedutaan yang lain yang akan ditauliahkan ke beberapa negara" lain di antara 11 republik yang ada,+ jelas beliau.

Mengenai hubungan dagangan dengan negara-negara tersebut, beliau berkata padamasaini Malaysia hanya mempunyai hubungan dagangan dengan Russia.

+Jadi mungkin Russia akan mengambil alih. Tapi pada masa ini kita masih belum dapat kepastian tentang siapa yang bertanggungjawab berkenaan dengan segala perjanjian antara kita dengan Soviet Union+, katanya.

Mengenai masa depan negara-negara bekas anggota Soviet Union itu, Perdana Menteri meramalkan keadaan tidak akan menjadi cerah dalam sekejap masa.

Inialah kerana untuk menukar sesuatu sistem pemerintahan kepada sistem yang lain merupakan satu perkara yang bukan mudah.-- Lagi

▼28/12/10-03MST

CNS3370

R GB 28-12 00122 BB579

Aab

Mahathir - Soviet 3 Ulsan

Tetapi untuk melaksanakan sistem yang tidak pernah diamalkan dahulu adalah satu perkara yang lain, ujar beliau.

+Umpamanya sistem demokrasi, ia tidak mudah dilaksanakan kerana masing-masing pihak akan merasakan mereka bebas untuk membuat apasaja+.

+Mungkin ini akan mengancam kestabilan negara-negara. Dan dalam keadaan itu pula negara-negara terlibat tidak boleh mengambil tindakan keras,+ tambah beliau.

Perdana Menteri mengambil contoh satu peristiwa yang berlaku dalam satu kawasan di Russia yang tidak beliau namakan, di mana penduduknya yang terdiri daripada orang Islam mendakwa mereka telah merdeka.

+Reaksi pertama dari kerajaan Russia ialah untuk menghantar tentera ke wilayah terlibat. Ini bukanlah cara sebuah negara demokratik+, katanya. -- Lagi

▼28/12/10-11MST

CNS3371

R GB 28-12 00147 BB580

Aab

Mahathir - Soviet 4 Ulsan

Sambil menekankan bahawa peristiwa tersebut **cuma** sebagai contoh, Perdana Menteri berkata **mungkin** terdapat **banyak lagi** tempat lain yang penduduknya terdiri daripada kumpulan etnik yang berbeza atau mempunyai fahaman politik yang berlainan.

Mereka mungkin bertindak keras dan perkara **ini** terpaksa dihadapi oleh kerajaan Russia ataupun negara bekas Soviet Union yang lain yang **ingin** menjadi demokratik.

Di **samping** sistem politik, sistem perdagangan bebas yang mengiringi sistem demokrasi **mungkin** juga akan menimbulkan masalah kepada negara-negara bekas Soviet Union itu, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan **pasaran** bebas berkehendakkan kepada pengusaha, peniaga, modal swasta dan kecekapan pengurusan.

Oleh kerana semua **ini** tidak wujud di negara-negara berkenaan selama 30 tahun, dan ditambah pula dengan ketiadaan modal swasta, maka adalah sukar bagi pengusaha baru untuk mengambil alih perusahaan yang dahulunya diurus oleh kerajaan. -- Lagi

▼28/12/10-12MST

CNS3377

R GB 28-12 00143 BB581

Aab

Mahathir - Soviet 5 Ulsan

+Untuk mendapat modal pula bank-bank **ingin** tahu **rekod** seseorang yang **ingin** memulakan satu-satu perusahaan. Dalam sistem sosialis, tidak seorangpun yang mempunyai rekod seperti itu.

+Dalam pada itu pula, untuk mendapat **keuntungan**, **mungkin** harga akan dinaikkan sedangkan dalam sistem sosialis harga sengaja direndahkan kerana mereka tidak pentingkan keuntungan, + tambah beliau.

Menurut Perdana Menteri selama **ini** penduduk di negara-negara bekas Soviet Union sudah biasa **dengan sewa rumah** yang **amat rendah**.

Sebagai contoh, katanya, jika **rumah-rumah ini** dimiliki oleh pihak swasta, mereka akan terpaksa mengenakan **sewa** yang lebih tinggi untuk membiayai kos penyenggaraan yang **juga** tinggi.

+Oleh kerana rakyat tidak mempunyai **punca** pendapatan yang tinggi, mereka akan menghadapi kesukaran untuk membayar **sewa rumah**, + jelas beliau.

Semua ini akan menjadi masalah kepada negara-negara bekas Soviet Union.

-- Lagi

▼28/12/10-47MST

CNS3378

R GB 28-12 00165 BB582

Aab

Mahathir - Soviet 6 (akhir) Ulsan

+Akibatnya rakyat yang tidak sabar akan menyalahkan kerajaan dan akan menjatuhkan kerajaan seperti yang pernah mereka lakukan sebelumnya,+ ujar beliau.

Perdana Menteri berkata adalah tidak mustahil bahawa proses ini akan berulang-ulang untuk beberapa waktu kecuali ada pertolongan dan bantuan secara besar-besaran dari negara-negara maju.

Tetapi oleh kerana kos bantuan ini terlalu tinggi, maka adalah mustahil bagi negara-negara berkenaan dapat memulihkan keadaan untuk beberapa ketika, tambah Perdana Menteri.

Semalam Datuk Seri Dr Mahathir yang sedang dalam lawatan tidak rasmi selama tiga hari bersama isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke Korea Selatan mengunjungi Presiden Roh Tee Woo di kediamannya.

Menurut Perdana Menteri mereka bertukar-tukar fikiran mengenai perkembangan dunia sekarang, isu-isu serantau dan dua hala serta soal demokrasi secara umum.

Beliau juga mengambil kesempatan menyampaikan ucapan terima kasih kerajaan Malaysia kepada kerajaan Korea Selatan atas sokongannya terhadap Dasar Pandang ke Timur. -- Bernama

▼28/12/10-48MST